

## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “**IKHLAS Mortgage Reducing Term Takaful Lembaga Pinjaman Perumahan Sektor Awam**”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)

## TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

### IKHLAS MORTGAGE REDUCING TERM TAKAFUL LEMBAGA PINJAMAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

Tarikh: 01/03/2020

#### 1) Produk apakah ini?

Produk ini menyediakan perlindungan Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) kepada Orang Yang Dilindungi yang membuat pinjaman perumahan daripada Lembaga Pinjaman Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

#### 2) Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta-peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.
- **Wakalah** –merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Nota: “pihak Syarikat” merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

#### 3) Apakah perlindungan-perindungan/ manfaat-manfaat yang ditawarkan?

##### i) Manfaat Asas

Manfaat	Penerangan
Manfaat Kematian	Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia semasa Sijil Takaful Individu masih berkuatkuasa, Amaun Perlindungan semasa, dibayar dari Dana Risiko, dan baki di dalam Dana Peserta Individu (PIF), jika ada, akan dibayar secara sekali gus. Amaun Perlindungan yang akan dibayar adalah Amaun Perlindungan semasa pada tarikh kematian.

##### ii)Manfaat Sampingan

Manfaat	Penerangan
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami HUMK semasa Sijil Takaful Individu masih berkuatkuasa, Amaun Perlindungan semasa, dibayar dari Dana Risiko, dan baki di dalam Dana Individu Peserta (PIF), jika ada, akan dibayar secara sekali gus. Amaun Perlindungan yang akan dibayar adalah Amaun Perlindungan semasa pada tarikh HUMK berkuatkuasa.

Nota: Manfaat HUMK dilindungi sehingga umur 70 tahun dan HUMK yang dibayar adalah tertakluk kepada tempoh menunggu selama enam (6) bulan.

##### iii) Manfaat-Manfaat Lain

Manfaat	Penerangan
Serahan	Sekiranya Sijil Takaful Individu diserahkan dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa disebabkan oleh masalah teknikal, Sumbangan Takaful penuh akan dipulangkan. Jika tidak, sebarang baki di dalam Dana Individu Peserta (PIF) selepas ditolak yuran serahan sebanyak RM100 akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi. Amaun yang dibayar semasa serahan adalah tidak dijamin.

Matang	Apabila Sijil Takaful Individu matang, sebarang baki di dalam Dana Individu Peserta (PIF) akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi. Amaun yang dibayar semasa matang adalah tidak dijamin.
--------	---

Sila baca Sijil Takaful Individu untuk butiran Manfaat Takaful.

#### 4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar akan bergantung kepada jumlah pembiayaan yang dipohon. Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang akan mempengaruhi jumlah Sumbangan Takaful seperti usia, jenis pekerjaan dan sejarah perubatan dahulu. Contohnya:

- Jantina : Perempuan
- Umur Kemasukan : 30 tahun
- Jumlah Pembiayaan\* : RM 150,753
- Kadar Keuntungan : 4.00% setahun
- Tempoh Pembiayaan : 32 tahun (termasuk tempoh interim)
- Tempoh Perlindungan: 32 tahun (termasuk tempoh interim)
- Tempoh Interim : 2
- Jumlah Amaun Perlindungan : RM153, 879.60

**Sumbangan Takaful Tunggal : RM3,127**

#### 5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Yuran	Amaun
Yuran Wakalah	25% daripada Sumbangan Takaful
Yuran Serahan*	RM100.00

\*Nota: Sebarang cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia akan dikenakan ke atas Sumbangan Takaful / yuran-yuran/ caj-caj pada kadar semasa kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### 6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Pihak Syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- b) Tempoh Bertenang (Hak untuk Pembatalan) – Dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful Individu diterima, Orang Yang Dilindungi boleh memulangkan Sijil Takaful Individu kepada pihak Syarikat, dengan syarat ianya diluluskan oleh LPPSA dan pembatalan adalah disebabkan oleh masalah teknikal. Pihak Syarikat akan memulangkan semula Sumbangan Takaful yang telah dibayar selepas ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung pihak Syarikat (jika ada). Selepas pemulangan, Sijil Takaful Individu akan dibatalkan oleh pihak Syarikat.
- c) PIF akan dilaburkan oleh pihak Syarikat dan sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi dari PIF akan diperuntukan semula ke dalam PIF.
- d) Lebihan yang diperolehi dari RF (jika ada) adalah tertakluk kepada Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sehingga 50% daripada lebihan boleh-agih kasar semasa berakhirnya Tahun Kewangan. Baki selepas ditolak SAC akan diperuntukkan semula ke dalam PIF.
- e) Jika anda tidak menerima Sijil Takaful Individu selepas empat belas (14) hari dari tarikh pinjaman diluluskan oleh LPPSA, sila hubungi kami.
- f) Untuk tujuan tuntutan, anda mestilah memuat naik borang pemberitahuan tuntutan melalui laman sesawang LPPSA.

- g) Sekiranya pinjaman telah habis dibayar lebih awal dari tempoh perlindungan takaful, Sijil Takaful Individu akan ditamatkan dan sebarang baki di dalam PIF akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi. Untuk membolehkan pengurusan bayaran sebarang baki, Orang Yang Dilindungi hendaklah memberikan nombor yang boleh dihubungi kepada pihak Syarikat. Kegagalan untuk mengemaskini nombor tersebut akan menyebabkan amaun serahan awal (jika ada) akan diperuntukkan di bawah “Wang Tidak Dituntut”. Sekiranya amaun serahan adalah kurang dari RM10, amaun ini akan didermakan kepada badan amal, yang dilantik oleh pihak Syarikat.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk Sijil Takaful Individu untuk terma-terma dan syarat-syarat lain.

**7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful Individu ini?**

**a. Pengecualian Kematian**

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Individu ini sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh membunuh diri sama ada waras atau tidak dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful Individu.

**b. Pengecualian HUMK**

Tiada manfaat HUMK dibayar di bawah Sijil Takaful Individu ini sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami hilang upaya secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

- i. Cubaan membunuh diri (samada sedar atau tidak), tidak bermoral atau mencederakan diri sendiri (samada siuman atau tidak); atau
- ii. Berada di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan, bahan yang memabukkan, mana-mana narkotik atau dadah; atau
- iii. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kompleks/ keadaan termasuk kehadiran Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) seperti yang dinyatakan oleh antibody HIV positif atau ujian virus HIV.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful Individu untuk senarai penuh pengecualian.

**8) Bolehkah Sijil Takaful Individu ini dibatalkan?**

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Individu dengan mengemukakan notis bertulis kepada Pengendali Takaful, tertakluk kepada kebenaran dari LPPSA dan pembatalan adalah disebabkan oleh masalah teknikal.

**9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

**10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai 'Takaful Keluarga', sila rujuk kepada buku panduan *info insurans* mengenai 'Takaful Keluarga'. Anda boleh memperolehnya daripada wakil Takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Family Berhad  
Cawangan Putrajaya,  
No. 12, Jalan Diplomatik,  
Presint 15,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 Putrajaya.

Tel: +603-8890 3100  
Faks: +603-8890 5100  
Laman sesawang: [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)  
Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati.**

Tiada.

**NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMENT JANGKA PANJANG. ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA PELAN TAKAFUL INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PEMBIAYA PINJAMAN PERUMAHAN ANDA ATAU HUBUNGI TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

*Maklumat yang terdapat dalam Helaian Keterangan Produk ini sah pada: 01/03/2020*